

KAJIAN SAINS PERPUSTAKAAN DAN MAKLUMAT

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

JALAN OTHMAN  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Institut Teknologi MARA  
(PETALING JAYA)  
Selangor.  
SELANGOR

LSC 358

PROJEK PENYELIDIKAN

"PENGUNAAN BAHAN-BAHAN PATEN DI MALAYSIA "

PARA PENYELIDIK:

ABU HASRAH HJ. KAMIS

ARIFFIN JAMALUDIN

NOOR HIDAYAT ADNAN

PENSYARAH PENASIHAT:

CIK INDAHSAH HJ. SIDEK

PENGHARGAAN

Di sini kami ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada pensyarah pengawas bagi kumpulan kami iaitu Cik Indahsah Hj. Sidek di atas bimbingan, nasihat, tunjuk ajar serta pertolongan yang beliau berikan dalam menjayakan projek penyelidikan kami.

Kami juga berterima kasih kepada Dr. Katni Kamsono Kibat, Encik Wong Tuck Cheong, Encik Othman Zainal, pihak-pihak perpustakaan dan organisasi yang terlibat seperti RRIM, SIRIM, PIDC dan juga kepada Puan Wong Hiong Chin (Pendaftar Paten Malaysia, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian) di atas kerjasama mereka dalam menolong kami untuk menghasilkan projek penyelidikan ini.

Akhir kata, kami berharap projek penyelidikan ini boleh dijadikan panduan, penilaian dan juga rujukan kepada perpustakaan-perpustakaan khusus dan organisasi-organisasi penyelidikan tertentu di dalam mengkaji tentang tahap penggunaan bahan-bahan paten di Malaysia.

Yang benar,

ABU HASRAH HJ. KAMIS

.....  
ARIPFIN JAMALUDIN

.....  
NOOR HIDAYAT ADNAN

## ISI KANDUNGAN

### MUKA SURAT

PENGHARGAAN	
Pengenalan	1
ULASAN PENULISAN	9
OBJEKTIF PENYELIDIKAN	31
SKOP PENYELIDIKAN	32
DEFINISI ISTILAH	33
PENYATA MASALAH	35
HIPOTESIS	37
BENTUK PENYELIDIKAN	38
TEKNIK PENGUMPULAN DATA	38
PENYAMPILAN	43
TABULASI, ANALISA DAN INTERPRETASI DATA	44
PENGUJIAN HIPOTESIS	94
PENEMUAN-PENEMUAN	105
RUMUSAN PENYELIDIKAN	110
CADANGAN-CADANGAN	111
KEGUNAAN HASIL PENYELIDIKAN	113
MASALAH-MASALAH	114
BIBLIOGRAFI BERANOTASI	115
LAMPIRAN : 1	122
LAMPIRAN : 2	
LAMPIRAN : 3	
LAMPIRAN : 4	
LAMPIRAN : 5	
LAMPIRAN : 6	

## SENARAI ILUSTRASI

### MUKA SURAT

1. Carta Pie Hipotesis 1	95
2. Carta Pie Hipotesis 2	97
3. Carta Pie Hipotesis 3	99
4. Carta Pie Hipotesis 4	101
5. Carta Pie Hipotesis 5	103
6. Rajah Hipotesis 1	96
7. Rajah Hipotesis 2	98
8. Rajah Hipotesis 3	100
9. Rajah Hipotesis 5	104

## SENARAI JADUAL

1. Jadual jumlah responden-responden di perpustakaan - perpustakaan sampel	40
2. Jadual jumlah responden-responden pengguna bahan- bahan paten	40
3. Jadual Proses Temubual	41
4. Jadual Hipotesis 1	95
5. Jadual Hipotesis 2	97
6. Jadual Hipotesis 3	99
7. Jadual Hipotesis 4	101
8. Jadual Hipotesis 5	103

## PENGENALAN

### A. LATARBELAKANG PENYELIDIKAN

#### 1.0 Penerangan Ringkas Mengenai Bahan-bahan Paten

Rekod bahan paten yang mula-mula sekali wujud ialah di Florence, Itali pada tahun 1421. Ini adalah disebabkan bermulanya ciptaan-ciptaan berbentuk saintifik. Kemudian timbul pula satu perkara di mana pencipta-pencipta sesuatu ciptaan ingin melindunginya daripada dieksploitasikan oleh orang lain. Petikan di bawah ini dapat menggambarkan bagaimana seorang jurutera dan juga arkitek iaitu Filippo Brunelleschi (1377-1446) cuba melindungi hak ciptaannya:-

"Because Brunelleschi did not want to give the invention to public use for fear of being robbed of the reward of his labours, the privilege is granted with the express intention not only that the invention may be made useful as well for himself as for that generality but particularly also that he himself may be urged to further exertion, and stimulated to achieve greater inventions; the government agrees to protect the inventor against unauthorised working and to grant the author an immediate monopoly for the period stated by prohibiting the use of every form of transport ship not in use at the date of the privilege unless it be built by Brunelleschi himself or write his consent."<sup>1</sup>

Kemudian perlindungan hak cipta ini telah mula menjalar ke negara-negara Eropah yang lain sampailah ke kemuncaknya pada abad ke 18. Keadaan ini berlaku disebabkan meletusnya Revolusi Industri di Eropah pada 1870an, di mana ledakan maklumat di dalam sains dan teknologi berlaku dengan pantas sekali. Ini adalah disebabkan terciptanya mesin-mesin pencetak dan lain-lain peralatan moden.

Menurut Georges Anderla,<sup>2</sup> maklumat mengenai sains dan teknologi telah meningkat dua kali ganda setiap 10 atau 15 tahun; ataupun ianya mungkin meningkat dengan kadar yang lebih pantas lagi dalam beberapa keadaan tertentu.

---

<sup>1</sup>Liebesny, F. Mainly on patents: The use of industrial property and its literature. (London: Butterworths, 1972) p. 3

<sup>2</sup>Anderla, George. Information in 1985: A forecasting study of information needs and resources (Paris: OECD, 1973) p. 13